

**11. PENGECUALIAN DARIPADA MENGEMUKAKAN PELAN-PELAN BANGUNAN
(UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN MDLB. NO. 7) UNTUK MENEMPATKAN SEMULA
SETINGGAN-SETINGGAN OLEH PIHAK BERKUASA NEGERI DI ATAS TANAH-TANAH
KERAJAAN NEGERI**

Pengecualian daripada mengemukakan pelan-pelan bangunan (Undang-undang Kecil Bangunan MDLB.No.7) berhubung dengan setinggan-setinggan yang ditempatkan semula oleh Pihak Berkuasa Negeri di atas tanah-tanah Kerajaan Negeri adalah tertakluk kepada had-had dan syarat-syarat yang berikut :-

- (i) Lembaga (sekarang ini Majlis Perbandaran Pulau Pinang) tidak boleh dipertanggungjawab di atas keselamatan bangunan-bangunan yang telah didirikan dan mestilah dilepaskan daripada semua tanggungan, jika terjadi sebarang kemalangan atau sesuatu kejadian pada masa hadapan;
- (ii) Pengecualian ini hanya terpakai untuk bangunan-bangunan papan yang tingginya tidak melebihi 2 tingkat, dibina atas tanah Kerajaan Negeri berhubung dengan penempatan semula setinggan-setinggan;
- (iii) Pengecualian ini tidak terpakai kepada bangunan-bangunan kekal atau bangunan-bangunan separuh kekal sepertimana yang ditakrifkan di bawah Undang-undang Kecil Bangunan MDLB. Pulau Pinang;
- (iv) Pengecualian ini tidak terpakai kepada kes-kes di mana setinggan-setinggan mendirikan rumah (sementara, separuh kekal atau kekal) atas tanah-tanah persendirian berhubung dengan penempatan semula;
- (v) Pemilik-pemilik rumah berkenaan mestilah sanggup mematuhi tara kesihatan yang minimum sepertimana yang ditetapkan oleh Lembaga.

(Diluluskan pada 12-2-76)